

UIAM Kuantan berjaya kitar semula 50 tan baju

Oleh MUHAMMAD FARID AHMAD TARMIJI | 9 Disember 2024, 8:50 am



Para sukarelawan dan wakil penganjur bergambar dengan pakaian yang berjaya dikitar semula.

AMALAN kitar semula wajar diterapkan dalam diri setiap anggota masyarakat bagi membolehkan alam sekitar terus terpelihara.

Oleh itu, aktiviti kitar semula perlu senantiasa diadakan bagi membolehkan usaha murni tersebut mendapat tempat di hati masyarakat.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kampus Kuantan, Pahang merupakan antara institusi yang sering menganjurkan aktiviti kitar semula.

Terbaru, UIAM Kuantan telah menganjurkan program Hari Kitar Semula UIAM Kuantan 3.0 di Kulliyah Kejururawatan.

Program memasuki tahun kedua itu dianjurkan oleh IIUM Kuantan Environmental Performance and Monitoring Committee (EPMC) dengan melibatkan penyertaan orang awam.

Pengurus program, W. Nazma Fazira W. Yusoff berkata, aktiviti itu bertujuan memupuk kesedaran masyarakat mengenai tanggungjawab pengurusan sisa secara berhemah melalui amalan kitar semula dan pengasingan sisa mengikut kategori.

Menurutnya, melalui inisiatif itu, masyarakat bukan sahaja akan lebih cakna terhadap kepentingan menjaga alam sekitar, malah mengamalkan sikap menghargai dan memelihara kelestarian alam dalam kehidupan sehari-hari.

“Program ini diharap dapat membentuk budaya lestari dan mendorong masyarakat untuk bersama-sama memainkan peranan dalam memastikan kesejahteraan ekosistem serta masa depan lebih hijau.

“Tema program pada tahun ini memfokuskan pengumpulan bahan kitar semula, khususnya pakaian dan tekstil terpakai,” katanya.

Tambah W. Nazma Fazira, sambutan yang diterima sangat memberangsangkan daripada penduduk Kuantan serta kawasan berdekatan.



PARA sukarelawan mengumpul pakaian dan tekstil terpakai untuk dikitar semula sempena Hari Kitar Semula UIAM Kuantan 3.0 di Kampus Kuantan, Pahang.

Dianggarkan penyertaan seramai 1,300 orang awam dan hampir 100 orang sukarelawan terlibat, dengan 50 tan bahan kitar semula berjaya dikumpul.

Program Hari Kitar Semula IIUM Kuantan 3.0 turut berkolaborasi bersama Kloth Cares, dengan memberi fokus pada pengumpulan pakaian dan tekstil terpakai.

Mengulas lanjut, W. Nazma Fazira berkata, melalui inisiatif itu, pakaian lusuh, koyak dan buruk akan dikitar semula atau diguna semula.

Ujarnya, bagi pakaian yang tidak boleh digunakan semula, ia akan diproses menjadi kain industri, penebat, atau fabrik baharu.

“Bagi pakaian dan tekstil yang masih dalam keadaan baik, bersih dan sesuai untuk digunakan, ia akan dihantar ke kedai barang terpakai atau disumbangkan kepada mereka memerlukan.

“Model kitar semula ini mendukung fesyen lestari dan pengurangan sisa dengan memanjangkan kitaran hayat tekstil, di samping menggalakkan kitar semula berbanding pelupusan sisa di tapak pembuangan,” jelasnya.

Dalam pada itu, penolong pengurus program, Nadea Gzali berkata, aktiviti tersebut berjaya dilaksanakan dengan sokongan padu dan penglibatan pelbagai pihak.

Pihaknya turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak terlibat, terutamanya rakan kolaborasi Kloth Cares, Alam Flora Sdn. Bhd., SWCorp., Daya Bersih Sdn. Bhd., Pejabat Pengurusan Keselamatan UIAM,

Gading Senggara Sdn. Bhd., Komited Malaysia dan Kulliyah Kejururawatan UIAM.

“Kerjasama dan komitmen yang ditunjukkan oleh semua pihak telah memastikan kelancaran program serta menyumbang kepada kejayaannya dalam mempromosikan amalan kitar, selain gaya hidup lestari dalam kalangan masyarakat terutamanya warga Kuantan.

“Tidak dilupakan, peranan sukarelawan, termasuk staf dan pelajar UIAM Kuantan yang telah menyumbang masa serta tenaga dalam aspek persiapan sehingga pelaksanaan program,” katanya.

Tambahnya, komuniti setempat juga memainkan peranan besar dengan turut serta dalam menjayakan inisiatif kitar semula, sekali gus menunjukkan semangat kesedaran tinggi terhadap penjagaan alam sekitar.

Nadea berkata, gabungan usaha itu telah menyumbang kepada kejayaan program dalam mempromosikan amalan kitar semula dan fesyen lestari, serta mananamkan kesedaran tentang kepentingan pengurangan sisa tekstil dalam masyarakat.